

Nur'ain Zalia raikan kejayaan bersama keluarga

Mahasiswa Fakulti Sains dalam bidang Geologi Gunaan, Nur'ain Zalia, 23 mengulangi sejarah kegemilangan dan kecemerlangan ahli keluarganya apabila berjaya dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Sains sempena Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya baru-baru ini.

Anak ketiga kepada pasangan Bekas Ketua Komunikasi Koperat, Kementerian Dalam Negeri, Datuk Azmi Abdul Malek dan Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Rapat Setia, Ipoh, Perak, Datin Siti Zabidah Setia yang belajar di universiti berkenaan selepas kakaknya Nur'ain Zareena, 28 dalam bidang Kimia Gunaan dan abangnya, Azri Zahier, 26 (Ukur Bahan) sebelum ini.

Azmi dan Siti Zabidah adalah graduan universiti sama pada tahun 1982. Abang sulungnya, Azrul Zafri, 30 menuntut di Fakulti Sains dalam bidang kejuruteraan Perisian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor.

Sepanjang tempoh pengajian di

universiti berkenaan, Nur'ain Zalia pernah menerima anugerah Dekan Fakulti Sains kerana kecemerlangannya dalam bidang akademik sebanyak dua kali.

Kos pengajiannya dalam bidang Geologi di UPM turut ditaja dan dibiayai sebuah syarikat petroleum antarabangsa Kanada.

Beliau yang akan memulakan tugas sebagai Geologis di syarikat penaja pengajiannya awal bulan depan pernah menuntut di Sekolah Kebangsaan Jelapang, Taman Meru, Ipoh dan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Gopeng, Perak.

Adik bongsunya, Azzim Zahid, 17 kini menuntut di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Gombak dalam tingkatan lima dan akan menduduki Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun ini.

Nur'ain ketika ditemui berkata, sokongan ibu bapa dan adik-beradik mendorong kejayaannya dalam bidang akademik selama ini.



NUR'AIN Zalia (tengah) bergambar kenangan dengan bapanya, Azmi Abdul Malek (empat dari kiri). Ibunya, Siti Zabidah Setia (enam dari kiri) dan ahli keluarga nya sempena Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya, Kuala Lumpur, baru-baru ini.